



KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA
DAN TRANSFORMASI AIR

SIARAN MEDIA

PROGRAM MADANI RAKYAT 2024 SARAWAKKU SAYANG UTAMAKAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

MIRI, 29 SEPTEMBER 2024 - Program MADANI Rakyat (PMR) 2024 Sarawakku Sayang yang diterajui Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) bersama Unit Penyelaraslon Jarak Jauh Prestasi (PACU), Pejabat Perdana Menteri serta Kerajaan Sarawak melabuhkan tirai hari ini selepas berlangsung selama tiga (3) hari mulai 27 hingga 29 September 2024 di Pekarangan Boulevard Miri, Sarawak.

Bertujuan memperkenalkan pelbagai inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Sarawak dengan hasrat untuk mengutamakan kesejahteraan rakyat, PMR 2024 Sarawakku Sayang membawakan lebih daripada 200 perkhidmatan Kerajaan secara langsung kepada rakyat berfokuskan kepada aktiviti kesejahteraan rakyat, agenda perpaduan, Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dan karnival kerjaya, tenaga dan air, pertanian dan keterjaminan makanan, inisiatif hijau serta pameran dan perkhidmatan berhubung pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) dan Kecerdasan Buatan (AI) serta pelbagai perkhidmatan yang disediakan oleh agensi Kerajaan termasuk pameran aset-aset Kerajaan.

Pada Majlis Perasmian semalam, YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim telah menyempurnakan penyampaian sumbangan program Sejahtera Komuniti MADANI (SejaTi MADANI) kepada penerima-penerima terdiri daripada komuniti setempat yang terlibat dalam lima (5) sektor tumpuan iaitu pertanian dan makanan, jahitan dan kraf tangan, herba dan kesihatan, pelancongan dan hospitaliti serta aktiviti hijau dan kitar semula. Menerusi inisiatif SejaTi MADANI ini, Kerajaan melalui Unit Penyelarasaran Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri telah menyediakan peruntukan berjumlah RM1 bilion bagi manfaat kepada kelompok komuniti berkelayakan di seluruh negara.

Turut dilancarkan semasa majlis perasmian semalam adalah nombor pendaftaran istimewa (NPI) siri PETRA yang merupakan inisiatif kerajaan dalam menyokong agenda sifar karbon melalui peralihan tenaga dan transformasi air menjelang 2050. NPI siri PETRA ini dibuka untuk bidaan secara dalam talian di sistem JPJeBid bermula pada 28 September 2024 dan berakhir pada 2 Oktober 2024 pada jam 10.00 malam.

YAB Perdana Menteri juga telah menyempurnakan simbolik penyerahan Sumbangan Tunai Rahmah (STR) kepada para penerima insentif. Kerajaan menjalankan penunaian STR bagi pembayaran semua peringkat meliputi Fasa 1 - Fasa 4 kepada penerima tanpa akaun bank melibatkan 28,944 penerima di Sarawak secara keseluruhan di 30 lokasi pedalaman di Sarawak antaranya Tebedu, Simunjan, Pakan, Long Lama dan Bekenu.

Jumlah pengunjung yang direkodkan bermula pada hari pertama sehingga hari ketiga program telah mencapai 300,000 orang. Rekod nilai

jualan pada hari pertama dan kedua menerusi Jualan Agro dan Usahawan MADANI, Jualan Rahmah MADANI, Sarawak Kitchen, *Foodtrucks*, Telco Rahmah dan *Coffee Corner* telah mencecah RM500,000.00.

Penganjuran PMR kali ini di Sarawak telah berjaya mencapai tujuan bagi mendedahkan dan memperkenalkan pelbagai inisiatif Kerajaan untuk menjamin kesejahteraan rakyat terutamanya dalam mendepani isu kos sara hidup serta agenda negara dalam memperkasa golongan belia.

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR

29 SEPTEMBER 2024



Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)

Tel.: 03-8000 8000 | E-Mel: ukk@petra.gov.my

